

Hishammuddin temui Presiden Senat Perancis

PARIS: Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, menamatkan lawatan empat harinya ke sini, dengan mengadakan pertemuan dalam suasana mesra dengan Presiden Senat Perancis, Christian Poncelet, kelmarin.

Disebabkan terlalu asyik berbilang, menteri berkenaan dapat memahami apa yang diperkatakan oleh Poncelet mengenai pelbagai perkara tanpa perlu menunggu bantuan daripada penterjemah.

"Apabila anda sependapat dalam perkara yang sama, bahasa bukanlah penghalang," katanya selepas me-

“Apabila anda sependapat dalam perkara yang sama, bahasa bukanlah penghalang”

Hishammuddin Hussein
Menteri Pelajaran

ngadakan pertemuan sejam dengan Poncelet, yang menjadi Presiden Senat sejak 1998, di sini, kelmarin.

Beliau diiringi Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) yang berpusat di Paris, Kenneth Luis dan dua Anggota Parlimen iaitu Datuk Razali Ismail (Kuala Terengganu) dan SK Devamany (Cameron Highlands).

Hishammuddin dan Poncelet, yang mengadakan lawatan ke Malaysia bulan lalu, turut mengesahkan kerjasama dua hala yang cemerlang dan terjalin sejak sekian lama antara Ma-

laysia dan Perancis.

Mereka juga memberi perhatian terhadap perspektif serupa yang dikongsi oleh kedua-dua negara berhubung isu global.

Hishammuddin memaklumkan kepada Poncelet keputusan Malaysia menawarkan diri bagi menduduki kerusi lembaga eksekutif Unesco pada persidangan tahunan ke-34 badan berkenaan di sini Oktober ini.

Beliau mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Unesco, Kōichirō Matsuura, yang memuji pencapaian pendidikan di Malaysia, se-

lain wakil tetap negara lain yang menganggotai Unesco dalam lawatannya ke sini.

Selain itu, beliau merasmikan pameran mengenai pencapaian Malaysia dalam bidang pendidikan sepanjang 50 tahun sejak negara merdeka. Pameran itu diadakan di ibu pejabat Unesco.

Hishammuddin seterusnya berlepas ke Geneva untuk melawat Biro Pendidikan Antarabangsa (IBE), satu lagi agensi utama Unesco yang khusus dalam kandungan, kaedah dan struktur pendidikan. - Bernama